



**YANG BERHORMAT DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM  
MENTERI SUMBER MANUSIA**

**UCAPAN SEMPENA MAJLIS PERASMIAN  
KARNIVAL DAN EKSPLO KEMAHIRAN KEBANGSAAN  
(KEKK) 2013**

**DEWAN D, MAEPS  
27 SEPTEMBER 2013  
2.30 PETANG**

---

Terima kasih diucapkan kepada Saudara/Saudari Pengerusi  
Majlis

Yang Berhormat Dato' Haji Ismail bin Hj Abd Muttalib,  
Timbalan Menteri Sumber Manusia,

YBhg Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman,  
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia

YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong  
Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran,

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha,

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-Tuan, Puan-Puan,

Seterusnya Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana mengizinkan kita berhimpun dalam satu majlis bersejarah yang menandakan permulaan transformasi kemahiran selaras dengan agenda yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), iaitu Mengarusperdana Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT).

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran dan lain-lain Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama-sama dengan Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas

penganjuran Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) 2013 ini.

3. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya kepada pihak industri, badan-badan bukan Kerajaan, syarikat korporat iaitu PROTON Holdings Berhad, DRB HICOM dan pihak industri yang telah bersama-sama menyahut cabaran untuk merealisasikan karnival kemahiran yang terbesar dan pertama kali dianjurkan ini.

4. KEKK yang dianjurkan dua (2) tahun sekali ini bertujuan untuk memberikan kesedaran atau *awareness* kepada orang ramai mengenai bidang dan latihan kemahiran yang menjadi tunjang kepada pembangunan modal insan yang berpengetahuan yang berorientasikan teknologi. Kita bertuah kerana KEKK 2013 dapat dianjurkan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang atau dikenali sebagai MAEPS dari 26 hingga 29 September 2013.

Tuan-Tuan dan Puan Puan,

5. Dalam negara menuju status maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020, negara memerlukan pekerja berkemahiran tinggi sebagai pemangkin kepada usaha-usaha transformasi. Pelaksanaan program transformasi ekonomi negara diunjurkan akan mewujudkan 3.3 juta peluang

pekerjaan baru pada tahun 2020. Bagi merealisasikan hasrat ini, Malaysia perlu menghasilkan 50 peratus tenaga mahir bagi menggerak dan membangunkan ekonomi Malaysia yang mampan.

6. Sehubungan itu, penganjuran KEKK merupakan inisiatif Kerajaan untuk mendekatkan belia dan masyarakat kepada latihan kemahiran sejajar dengan **penjenamaan SkillsMalaysia**. **SkillsMalaysia** merupakan aspirasi negara untuk menyelaraskan dan mengharmonikan usaha-usaha pelbagai agensi latihan dan pihak industri agar sistem pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) negara mampu memenuhi keperluan tenaga mahir negara. Penjenamaan SkillsMalaysia telah diumumkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada **11 Januari 2011** sebagai salah satu daripada 19 projek permulaan (EPP) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

7. Tag line “Mengaruspertana Latihan Kemahiran” di bawah penjenamaan SkillsMalaysia membawa makna yang sangat besar dalam usaha mengubah persepsi yang sebelum ini tidak berapa memihak kepada pendidikan berteraskan kemahiran. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) selepas ini diharapkan bukan lagi menjadi aliran pilihan kedua atau *second choice* ataupun pilihan terakhir atau *as a last choice* bagi

pelajar-pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik sahaja tetapi akan menjadi aliran pilihan utama pelajar-pelajar terbaik di negara kita seperti yang berlaku di negara-negara maju. Dengan perubahan persepsi ini, saya berharap lebih ramai tenaga muda yang berpotensi akan menceburi bidang latihan berteraskan kemahiran tinggi dan sekaligus meningkatkan keboleherjaan (employability) mereka di samping daya saing negara dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang semakin kompetitif ini. Inilah sumbangan utama transformasi kemahiran yang akan dijayakan oleh seluruh rakyat di negara ini. Pendek kata, kita inginkan bidang latihan berteraskan kemahiran ini tidak lagi memainkan peranan kedua penting atau *playing second fiddle* dalam arus pembangunan negara.

8. Adalah diharapkan penganjuran KEKK dapat meningkatkan kesedaran serta membuka peluang dan minat kepada pelajar lepasan SPM supaya memilih latihan kemahiran sebagai pilihan utama dalam penentuan kerjaya. Di samping itu pelajar, ibubapa, guru dan masyarakat amnya perlu didedahkan dan dididik tentang kepentingan kemahiran serta peluang laluan kerjaya yang berpotensi tinggi sepertimana yang telah diamalkan oleh negara maju seperti Jerman dan Korea Selatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang KEKK 2013 ini. Aktiviti utama adalah penganjuran Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan Pertandingan MySkills peringkat akhir. Mulai tahun 2014, pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan akan dikenali sebagai WorldSkills Malaysia bagi menandakan anjakan Malaysia di dalam pertandingan kemahiran. Pemenang di pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan akan berpeluang mewakili Malaysia di ASEAN Skills Competition (ASC) di Hanoi, Vietnam pada tahun hadapan dan seterusnya World Skills Competition (WSC) di Soa Paulo, Brazil pada tahun 2015.

10. Selain penganjuran pertandingan kemahiran, pelbagai aktiviti yang menarik turut memeriahkan KEKK antaranya adalah seminar dan ceramah kemahiran, temuduga terbuka, pameran, jualan, demonstrasi kemahiran, autoshow motorsikal dan kereta juga uji bakat lakonan. Saya berharap agar masyarakat selepas ini lebih memahami konsep dan intipati latihan kemahiran di Malaysia melalui penganjuran KEKK 2013.

10. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang menjayakan KEKK pada kali ini. Jadikanlah usaha ini sebagai agenda penting pembangunan modal insan negara yang kita cintai ini.

11. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacita dan bangga merasmikan Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan 2013.

Sekian, terima kasih.